



## FAQ Pakej RAHMAH Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*) Allo

---

### 1) Apa itu Pakej RAHMAH Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*) Allo?

Pakej RAHMAH Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*) Allo adalah pakej khas untuk warganegara Malaysia yang layak bagi membantu mereka menangani peningkatan kos sara hidup dengan penawaran harga yang lebih murah berbanding harga pakej semasa di pasaran. Pakej ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat dari syarikat Allo Technology Sdn. Bhd. dan khusus kepada kawasan-kawasan yang mempunyai liputan Allo iaitu di Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Perak, Pulau Pinang dan Kedah.

### 2) Apakah tawaran bagi Pakej RAHMAH Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*) Allo?

Pengguna boleh menikmati perkhidmatan internet dengan kelajuan 100Mbps, data tanpa had (*unlimited*), pada harga RM69 sebulan dengan penjimatan sebanyak RM30 berbanding pakej semasa iaitu RM99 dan kontrak selama 24 bulan. Keistimewaan Pakej RAHMAH Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*) Allo adalah tempoh tawaran dibuka sepanjang masa.

### 3) Siapakah yang layak untuk melanggan Pakej RAHMAH Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*) Allo?

Pakej RAHMAH Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*) Allo terbuka kepada Warganegara Malaysia yang berada di kawasan-kawasan yang mempunyai liputan Allo dan tergolong dalam kategori berikut:

- i) Warga emas (60 tahun dan ke atas);

- ii) Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Pesara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pesara Angkatan Pertahanan dan Maritim Malaysia (APMM);
- iii) Orang kurang upaya (OKU); dan
- iv) Kumpulan Berpendapatan B40 (isi rumah berpendapatan RM4,850 sebulan dan kebawah).

**4) Dimanakah pelanggan boleh menyemak kawasan liputan Allo?**

Pelanggan boleh menyemak kawasan liputan Allo dengan melayari laman sesawang <https://www.citybroadband.my/support/coverage-map/> dan buat carian dengan menggunakan alamat kediaman rumah atau bandar tempat tinggal anda.

**5) Dimanakah pengguna boleh mendaftar Pakej RAHMAH Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*) Allo?**

Untuk pelanggan baru, pendaftaran boleh dibuat secara dalam talian di [www.citybroadband.my](http://www.citybroadband.my) atau Kedai Tenaga berdekatan anda atau menghubungi talian perkhidmatan Allo di 1300-38-8000.

Untuk pelanggan sedia ada, anda boleh menghubungi talian perkhidmatan Allo di 1300-38-8000.

**6) Berapakah had langganan Pakej RAHMAH Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*) Allo yang boleh saya langgani?**

Hanya 1 sahaja Pakej RAHMAH Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*) Allo yang dibenarkan bagi setiap unit rumah dan tertakluk kepada kriteria yang telah ditetapkan.

**7) Apakah dokumen yang diperlukan bagi mendaftar untuk Pakej RAHMAH Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*) Allo?**

Memandangkan Pakej ini disasarkan kepada golongan tertentu, dokumen-dokumen berikut diperlukan untuk pengesahan:

Kategori Pengguna	Dokumen yang diperlukan
1. Warga Emas (60 tahun dan ke atas); 2. Golongan B40	i. Kad Pengenalan.
3. Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Pesara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pesara Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM); dan	i. Kad Pengenalan; dan ii. Kad Pesara/ Veteran.
4. Orang Kurang Upaya (OKU)	i. Kad Pengenalan; dan ii. Kad OKU

**8) Bolehkah Pakej RAHMAH Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*) Allo dilanggan oleh bukan Warganegara Malaysia?**

Pakej ini hanya boleh dilanggan oleh Warganegara Malaysia.

**9) Bilakah Pakej RAHMAH Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*) Allo akan mula ditawarkan?**

Pakej ini akan mula ditawarkan bermula pada 28 Julai 2023.

**10) Saya ialah pelanggan jalur lebar tetap sedia ada dengan Allo Technology Sdn Bhd. Adakah saya boleh bertukar daripada pakej semasa kepada Pakej RAHMAH Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*) Allo?**

Ya, pelanggan boleh melanggan Pakej RAHMAH Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*) Allo dengan menghubungi talian bebas perkhidmatan pelanggan Allo di 1300-38-3000 atau e-mel ke [customerservice@allo.my](mailto:customerservice@allo.my).

**11) Bagaimanakah saya boleh mengetahui maklumat lanjut mengenai Pakej RAHMAH Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*) Allo ini?**

Anda boleh melayari laman sesawang Allo Technology Sdn Bhd di [www.allo.my](http://www.allo.my) atau [www.citybroadband.my](http://www.citybroadband.my) atau menghubungi talian perkhidmatan Allo di 1300-38-8000 atau e-mel kepada [customerservice@allo.my](mailto:customerservice@allo.my).

*Nota:*

*FAQ ini merupakan FAQ asas bagi penawaran Pakej RAHMAH Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*) Allo. Bagi maklumat lanjut, sila rujuk FAQ Pakej RAHMAH Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*) Allo di laman sesawang Allo.*

*Dimaklumkan bahawa penawaran Pakej RAHMAH Jalur Lebar Tetap (*Home Internet*) Allo adalah tertakluk kepada kesediaan infrastruktur Allo di satu-satu kawasan.*